



Pendedahan diterima di MSU ini membolehkan saya memperkasa kemahiran insaniah, selain menyuntik motivasi menggapai impian menjadi akauntan bertauliah suatu masa nanti”

Tengku Sarah Tengku Ahmad Zulkifli
Mahasiswa MSU

Penuntut MSU terima anugerah khas MIA

→ Dinobat Pelajar Perakaunan Terbaik 2017

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Tengku Sarah Tengku Ahmad Zulkifli mengharumkan nama Management & Science University (MSU) apabila dinobat penerima Anugerah Pelajar Perakaunan Terbaik 2017 oleh Institut Perakaunan Malaysia (MIA).

Anugerah berprestij diperolehi penuntut Ijazah Sarjana Muda Perakaunan itu disampaikan pada Perisidangan Antarabangsa MIA 2017, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), awal bulan lalu.

Susulan pencapaian itu, Tengku Sarah turut diberikan biasiswa pembangunan profesional daripada Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), wang tunai RM500 dan trofi.

Tengku Sarah, 22, yang kini menjalani latihan industri bersama Schlumberger Malaysia di Damansara,

berkata, anugerah MIA itu memberi pengiktirafan terhadap pencapaiannya dalam bidang perakaunan.

Tingkat kemahiran diri

Beliau yang memiliki Diploma Perakaunan MSU berkata, kejayaan itu susulan bimbingan pensyarah dan mentor dari Fakulti Pengajian Profesional dan Penguurusan Perniagaan (FBMP).

"Mereka banyak membantu saya dalam pelbagai aspek, sama ada akademik mahupun kokurikulum.

"Pendedahan diterima di MSU ini membolehkan saya memperkasa kemahiran insaniah, selain menyuntik motivasi untuk menggapai impian menjadi akauntan bertauliah suatu masa nanti," katanya.

Pengiktirafan berprestij itu antara lain membolehkan Tengku Sarah mengikuti program profesional antarabangsa ICAEW, iaitu sebuah organisasi pembangunan profesional kewangan dan akauntan terkemuka yang melahirkan ramai akauntan bertauliah di seluruh dunia.

MSU adalah antara 1.8 peratus universiti terbaik di rantau Asia berdasarkan laporan Quacquarelli Symonds (QS) Asia University Rankings 2018 dan menerima penarafan lima bintang ba-

gi pengajaran, kebolehpasaran, kemudahan, tanggungjawab sosial dan inklusif dalam QS Stars University Ratings 2016, sekali gus menjamin perkembangan kemahiran insaniah melalui pengalaman pembelajaran menyeluruh.

MSU tawar pelbagai program

Pelbagai program pengajian ditawarkan di MSU memenuhi piawaian ditetapkan badan tempatan dan antarabangsa kerana menggunakan modul pembelajaran terkini dengan penerapan elemen keusahawanan, selain bimbingan pensyarah berpengalaman melalui program 'mentor mentee', sehingga memacu kecemerlangan graduan.

Menerusi suasana prasarana lengkap, penuntut bukan sahaja menimba ilmu dalam persekitaran kondusif, tetapi turut merasai ekosistem sebenar dunia kerjaya dengan kerjasama MSU dan industri menerusi University Industry Advisory Panel (UIAP).

Untuk maklumat lanjut mengenai program Perakaunan yang ditawarkan di MSU, sila hubungi 03-5521 6868 atau layari www.msu.edu.my.